

UNTUK SIARAN SEGERA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

SLU PEMEGANG TARUH TADIKA SWASTA DIADAKAN DI DEWAN SEKOLAH, BUKAN DI GEREJA SEPERTI DIDAKWA

Kementerian Pendidikan (KPM) kesal dengan dakwaan tidak berasas segelintir pihak berkenaan lokasi penganjuran Sesi Libat Urus (SLU) Bersama Pemegang Taruh Tadika Swasta Zon Utara yang dilangsungkan pada Khamis.

SLU ini telah dilaksanakan di dewan Sekolah Menengah Antarabangsa Assumption di Bukit Mertajam, Pulau Pinang yang berdaftar dengan KPM dan bukannya dalam gereja seperti yang didakwa.

Pemilihan Sekolah Menengah Antarabangsa Assumption adalah berdasar kepada faktor seperti kemudahan/fasiliti yang tersedia, mengetengahkan sekolah antarabangsa sebagai sebahagian daripada institusi pendidikan swasta yang ada di negara ini serta membuktikan sinergi yang baik di antara KPM dan pihak penyedia pendidikan swasta.

Dakwaan ini jelas berniat jahat, cuba menimbulkan kekeliruan dan memburukkan imej Kementerian. Mengambil ibrah bulan Ramadan, KPM menyeru semua pihak untuk meningkatkan amal ibadah dan tidak terjebak dalam perbuatan fitnah.

TAMAT

KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
13 MAC 2026